

INSTITUSI KELUARGA PRODUK GENERASI KEPIMPINAN MENJELANG TAHUN 2043

Pendahuluan

Pembentukan institusi kekeluargaan melalui perkahwinan mempunyai peranan yang amat besar dalam mencetak kemenjadian generasi akan datang. Generasi inilah yang akan menjadi blok binaan (*building blocks*) kepada keutuhan institusi masyarakat dan negara Malaysia pada masa akan datang. Entiti keluarga merupakan sebuah unit asas sosial kecil dalam sistem masyarakat berperanan penting memproses dan melahirkan zuriat yang mampu meneruskan kesinambungan survival agama, masyarakat dan negara. Keruntuhan institusi keluarga bermakna menempa kehancuran kepada pembinaan sebuah masyarakat dan negara.

Wanita atau isteri bersama-sama dengan lelaki atau suami memainkan peranan yang amat penting dalam merealisasikan hasrat kemenjadian ini. Firman Allah s.w.t dalam surah al Tahrir ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ
عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ

“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu, penjaganya malaikat yang kasar dan keras, yang tidak durhaka kepada Allah terhadap apa yang Dia perintahkan kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan”.

Ayat di atas merupakan peringatan kepada orang-orang yang beriman agar memelihara diri dan keluarga daripada azab api neraka dan salah satu daripada caranya adalah dengan memastikan nakhoda kepimpinan rumahtangga berfungsi dengan baik serta komitmen pasangan suami dan isteri mentarbiyah anak-anak dengan pendidikan yang dapat menjamin kebahagiaan dunia dan akhirat.

Rumahtangga yang dipimpin oleh ibubapa mempunyai tanggungjawab yang amat besar dalam pembentukan dan pembangunan keluarga masyarakat Islam. Kedua-duanya saling membina kekuatan mendidik, bahu membahu dan saling menampung kelompongan pendidikan anak-anak terutama dalam menghadapi cabaran pendidikan zaman millennium kini. Keutamaan mendidik anak-anak zuriatlam sebuah rumahtangga adalah selaras dengan maqasid syariah perkahwinan untuk mengembangkan zuriat soleh dan solehah. Oleh itu, Islam menggariskan dengan jelas tanggungjawab suami dan isteri memimpin dan mendidik dalam sebuah rumahtangga. Sabda Nabi SAW :

عَنْ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ أَلَا كُلكُمْ رَاعٍ وَكُلكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ فَالْأَمِيرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُمْ وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ بَعْلِهَا وَوَلَدِهِ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْهُمْ وَالْعَبْدُ رَاعٍ عَلَى مَالِ سَيِّدِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُ أَلَا فَكُلكُمْ رَاعٍ وَكُلكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Daripada Ibnu Umar RA dari Nabi SAW, bahawa Baginda bersabda: "Ketahuilah, setiap kalian adalah pemimpin, dan setiap kalian bertanggung jawab atas apa yang dipimpinnya. Seorang pemimpin yang memimpin rakyat akan bertanggung jawab atas rakyatnya, seorang laki-laki adalah pemimpin atas keluarganya, dan dia bertanggung jawab atas mereka semua, seorang wanita juga pemimpin atas rumah suaminya dan anak-anaknya, dan dia bertanggung jawab atas mereka semua, seorang hamba adalah pemimpin atas harta tuannya, dan dia bertanggung jawab atas harta tersebut. Setiap kalian adalah pemimpin dan akan bertanggung jawab atas kepemimpinannya."

(HR Muslim No: 3408).

Tugas mendidik dan melahirkan generasi soleh sangat mencabar jika usaha ini hanya dilakukan secara berseorangan. Jalankanlah hak dan tanggungjawab ini secara bersama tanpa saling menyalahkan antara satu sama lain jika terdapat masalah dan kekurangan yang berlaku. Berbincanglah bersama dan bermuhasabahlah tentang tanggungjawab yang perlu dilaksanakan agar pembinaan sebuah rumah tangga dapat mencapai objektif mawaddah, rahmah, bahagia di dunia dan akhirat.

Produk Kemenjadian Generasi Kepimpinan Tahun 2043

Pendidikan anak-anak dan produk kemenjadian generasi ini haruslah menjadi agenda penting bagi setiap keluarga. Generasi inilah yang akan mewajahkan tindakan dan peranan kepimpinan Negara Malaysia khususnya di Negeri Perak Darul Ridzuan pada 20 tahun akan datang. Produk remaja yang ada bersama-sama kita pada hari ini adalah hasil pendidikan yang sama-sama kita usahakan 20 tahun yang lalu. Manakala pada tahun 2043 pula akan menyaksikan hasil produk pendidikan yang kita upayakan pada hari ini. Strategi dan usaha melahirkan generasi kepimpinan perlu diperkasakan dalam pentarbiyahan anak-anak bermula dari alam rumahtangga. Anak-anak haruslah ditanam dengan keimanan dan tanggungjawab sebagai khalifah yang manjadi matlamat utama pentarbiyahan untuk melahirkan zuriat kepimpinan yang mampu membimbing diri sendiri dan orang lain. Kejayaan dalam bidang akademik dan memiliki kerjaya bukanlah tiket untuk tidak mengambil tahu hal ehwal umah dan masyarakat. Amat dibimbangi ramai yang melakar kejayaan ini hanya terhenti pada tugas rutin di pejabat dan sibuk dengan urusan keluarga dan peribadi masing-masing, dengan kata lain rutin seharian hanya berlegar dalam kitaran yang sama setiap hari, setiap bulan, setiap tahun dan seterusnya. Masyarakat khususnya ibubapa perlu mempunyai kesedaran mendidik generasi kepimpinan akan datang, jika para pendidik hari ini tiada kesedaran untuk mendidik dan melahirkan generasi pemimpin maka tidak mustahil umat Islam bakal ketandusan generasi yang bakal mewarisi kepimpinan 20 tahun akan datang.

Para pendidik hari ini termasuklah ibubapa, guru, para pemimpin masyarakat dan seumpamanya perlu insaf dengan paparan gejala sosial, keruntuhan akhlak, jenayah dalam kalangan remaja dan lain-lain yang berlaku di depan mata dan keadaan ini perlu dirawat daripada akar umbi pendidikan. Sikap saling salah menyalahkan antara satu sama lain tidak mendatangkan apa-apa penyelesaian, sebaliknya mengundang perselisihan antara masyarakat sementelah anak-anak remaja kita terus diasak dengan pelbagai krisis akhlak dan moral yang membimbangkan.

Produk kemenjadian generasi tahun 2043 akan datang perlu dilengkapi dengan pelbagai persediaan pendidikan daripada pelbagai sudut. Dr. Abdullah Nasih 'Ulwan dalam penulisannya *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam* menjelaskan bahawa terdapat tujuh tanggungjawab pendidikan besar yang harus dipikul oleh para pendidik hari ini iaitu :

- i. tanggungjawab pendidikan iman
- ii. tanggungjawab pendidikan akhlak
- iii. tanggungjawab pendidikan fizikal
- iv. tanggungjawab pendidikan intelektual
- v. tanggungjawab pendidikan psikologi
- vi. tanggungjawab pendidikan sosial
- vii. tanggungjawab pendidikan seksual

Tanggungjawab pendidikan ini wajib digalas oleh semua lapisan peringkat pendidik khususnya ibubapa dalam sebuah keluarga. Tiada istilah persaraan dan putus asa dalam menggalas tanggungjawab ini. Kata-kata Saidina Ali r.a. amat jelas mengingatkan kita bahawa jatuh banggunya sesebuah negara terletak di tangan pemuda masa kini kerana mereka merupakan waris kepimpinan negara pada masa akan datang.

Cabaran Mendidik Anak-Anak Pasca Modenisasi

Tanggungjawab mengislah dan membina generasi yang memiliki kekuatan jati diri memerlukan mujahadah dan kesabaran yang tinggi dalam kalangan warga pendidik. Kemodenan dan kemajuan dalam negara menyebabkan proses mendidik dalam sebuah rumahtangga berdepan dengan cabaran besar apabila ibu turut terlibat keluar bekerja sama-sama kaum bapa bagi menyumbang kepakaran untuk memajukan negara. Fenomena ini boleh merencatkan perkembangan anak yang sihat jika tidak mempunyai gandingan yang mantap antara keduanya. Kaum ibu yang berkerjaya perlu melihat kesibukan dan kesukaran yang dihadapi dari perspektif yang positif tanpa mengabaikan tanggungjawab dan kewajipan terhadap suami dan anak-anak. Kesibukan ini boleh diatasi dengan pengurusan masa yang baik dengan menetapkan keutamaan dalam perkara yang lebih penting daripada perkara-perkara yang penting.

Semua ibu bapa perlu memantapkan agenda tarbiyah dalam sebuah keluarga khususnya dalam mendidik 'Generasi Z atau Alpha' yang sebahagiannya makin hari semakin tidak memahami tujuan hidup mereka sebagai khalifah dan khayal tenggelam melayani dunia media sosial. Amat membimbangkan zuriat anak-anak kita terjebak ke

Realiti ini dapat dilihat sejak zaman awal kebangkitan Islam lagi di mana peranan besar telah dimainkan oleh para sahabat dalam sebuah rumahtangga dapat melonjakkan amal dakwah para sahabat dalam usaha menyebarkan dakwah Islam, pentarbiahan dalam rumahtangga juga mampu melahirkan generasi *qaidah sulbah* atau generasi yang boleh menjadi tulang belakang kepada penerusan perjuangan dakwah Islam.

Pentarbiihan anak lelaki dengan tarbiyah *rajulah* atau tarbiyah membentuk karakter kelelakian yang sebenar perlu dititik beratkan. Anak-anak lelaki pada hari ini adalah merupakan generasi bapa 20 tahun akan datang yang akan menjalankan peranan bapa sebagai ketua pentarbiyahan sebuah keluarga. Jika dilihat keseluruhan statistik jenayah tahun 2020, majoriti mereka yang terlibat dengan jenayah adalah lelaki. Peratus penagih dadah lelaki 95.3 peratus, bagi tangkapan kesalahan rasuah lelaki 84.6 peratus, kanak-kanak lelaki yang terlibat dengan jenayah 90.5 peratus dan peratus kemasukan banduan sabitan bagi lelaki 90.3 peratus (Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan Statistik Jenayah, Malaysia, 2021). Statistik ini memungkinkan berlakunya kelompongan pentarbiyahan sebuah keluarga jika tiada tindakan drastik dilakukan oleh semua pihak terutama para ibu bapa.

Al-Quran banyak memaparkan pentingnya peranan besar seorang bapa dalam pembinaan sebuah institusi keluarga bagi menjayakan misi pendidikan anak-anak. Contoh peranan besar seorang bapa dalam pentarbiyahan anak-anak boleh dilihat melalui ayat-ayat berikut :

- i. Allah s.w.t. menampilkan contoh dialog antara ayah dan anak yang menggambarkan tentang keutamaan peranan bapa dalam menanamkan elemen ketauhidan dalam sebuah keluarga. Membisikkan azan di telinga bayi oleh seorang bapa menunjukkan pentarbiyahan aqidah perlu diberi penekanan sejak awal kelahiran lagi. Ini dapat difahami melalui pesanan pertama yang disampaikan oleh Luqman kepada anaknya. Firman Allah SWT dalam surah Luqman ayat 13:

وَاذْ قَال لُقْمٰنُ لِابْنِهٖ وَهُوَ يُعْطِيْهِ وَهُوَ يَعْزُبُ عَنْهُ لَآ تَشْرِكْ بِاللّٰهِ اِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيْمٌ

“Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya: “Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.”

- ii. Perhatikanlah bagaimana Nabi Ibrahim a.s. berpesan kepada anak-anaknya agar kekal dan utuhlah berpegang dan matilah dalam agama Islami. Mencontohi Nabi Ibrahim a.s., para bapa seharusnya mendidik anak-anaknya mempertahankan Islam sepertimana yang dilakukan oleh para sahabat dan Nabi Muhammad s.a.w. Situasi ini dirakamkan al-Quran menerusi firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah ayat 132 :

وَوَصَّىٰ بِهَا إِبْرَاهِيمُ بَنِيهِ وَيَعْقُوبُ يَبْنِيَّ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَىٰ لَكُمْ الدِّينَ فَلَا تَمُوتُنَّ
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

“Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat dengan agama itu kepada anak-anaknya, dan (demikian juga) Nabi Yaakub (berwasiat kepada anak-anaknya) katanya: “Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama (Islam) ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam.”

- iii. Mencontohi komitmen Rasulullah s.a.w. sebagai seorang ayah yang tidak jemu-jemu mengingatkan anaknya tentang perintah menunaikan solat. Firman Allah s.w.t. surah Taha ayat 132:

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا لَا نَسْأَلُكَ رِزْقًا نَحْنُ نَرْزُقُكَ وَالْعَاقِبَةُ لِلتَّقْوَىٰ

“Dan perintahkanlah keluargamu melaksanakan salat dan sabar dalam mengerjakannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, Kamilah yang memberi rezeki kepadamu. Dan akibat (yang baik di akhirat) adalah bagi orang yang bertakwa.

Imam al-Qurtubi ketika mentafsirkan ayat ini beliau menjelaskan bahawa setelah turunnya ayat ini, Rasulullah s.a.w. akan singgah pada setiap pagi di rumah anaknya Saidatina Fatimah dan Saidina Ali menyeru mereka supaya menunaikan solat. Perilaku Rasulullah s.a.w. dilihat amat konsisten dalam mendidik anak, walaupun Saidatina Fatimah telah berumahtangga dan mempunyai suami, Rasulullah s.a.w. masih lagi mengingatkan anaknya supaya menunaikan solat. Keadaan ini menunjukkan qudwah seorang bapa yang konsisten menyeru zuriatnya agar mengambil berat kefardhuan ibadah solat.

Selain peranan bapa diluar rumah mencari nafkah keluarga, kaum bapa juga perlu menyedari bahawa tugas dan peranan seorang ayah sangat berat dalam hal ehwal pendidikan anak-anak terutama dalam usaha mengukuhkan penanaman perkara asas seperti keimanan, ibadah solat dan berpegang teguh kepada agama dalam melayari kehidupan. Kelekaan seorang bapa boleh memberikan kesan terhadap kerosakan anak-anaknya. Imam Ibn al-Qayyim pernah berkata : “tidak ada yang lebih merosakkan anak-anak berbanding kelalaian para ayah terhadap anak mereka”.Justeru kepada bapa dan bakal-bakal bapa, marilah sama-sama mengambil berat dan jalankanlah tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan sebaiknya, kelak semuanya akan dipersoalkan di akhirat.

Penutup

Tugas dan tanggungjawab mendidik zuriat adalah realiti sebuah kehidupan yang perlu ditempuhi oleh semua pasangan ibubapa. Pentarbiyahan anak-anak dalam sebuah rumahtangga perlu terarah agar ibubapa mendapat gambaran dan merancang strategi kemenjadian anak-anak sekurang-kurangnya 20 tahun akan datang. Toleransi, persefahaman, bantu membantu dan pelaksanaan tugas dan peranan suami dan isteri mempunyai kekuatan tersendiri yang boleh menatijahkan kebahagiaan “*baiti jannati*”. Perjuangan seorang ibu menghasilkan produk generasi kepimpinan yang hebat adalah bermula di rumah, justeru kelompongan peranan ibu di rumah perlu dikembalikan semula demi menjayakan pentarbiyahan anak-anak. Pemerksaan peranan bapa juga adalah penting untuk menatijahkan “*qurratu ain*” dalam rumahtangga yang akan memberi impak besar kepada keluarga, umah dan negara. Paradigma pemikiran ibubapa dalam mendidik anak-anak perlu berubah bukan sekadar melahirkan sumber manusia “biasa-biasa” tetapi lebih daripada itu melahirkan sumber manusia hebat pelapis kepimpinan dan pemikir umah yang mampu berperanan pada masa hadapan.

Disediakan oleh:

Ustazah Dr. Hjh. Nornajwa Ghazali
Ketua Unit Tarbiyah dan Hal Ehwal Wanita
Hai'ah al-Ulama, Jabatan Mufti Negeri Perak
Pensyarah IPG Kampus Ipoh